

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]**

**TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 49**

**TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini Mawar Medical Centre dan Pusat Hemodialisis Mawar di Seremban, yang telah diambil tindakan penguatkuasaan sebelum ini, dan bilakah lesen operasi akan dikeluarkan semula supaya proses dialisis boleh dijalankan semula.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Sehingga hari ini, pihak Kementerian masih belum menerima permohonan kelulusan dan/atau lesen baru bagi penubuhan hospital swasta Mawar Medical Centre yang boleh diproses selanjutnya.

Kelulusan dan lesen hospital swasta Mawar Medical Centre hanya akan dapat dikeluarkan apabila permohonan-permohonan yang dikemukakan telah mematuhi keperluan perundangan yang ditetapkan selaras dengan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.

Sekian, terima kasih.